

# Potong gaji

Metro  
31/12/12 MS 2

## untuk 'buat visa'

### 33 pekerja asing rugi RM313,500 dakwa ditipu majikan sejak 2010

>>Oleh Mohamad Naufal  
Mohamad Idris  
am@hmetro.com.my

**P**ELABUHAN KLANG: Niat 33 pekerja lelaki warga asing untuk mencari rezeki di Malaysia terbantut apabila kerugian RM313,500 selepas ditipu sebuah syarikat perkhidmatan logistik, di sini.

Mereka yang terdiri daripada 26 warga India, Pakistan (lima) dan dua warga Bangladesh mendakwa syarikat tempatan itu mengambil RM4,200 hingga RM6,500 setiap seorang yang dipotong daripada sebahagian gaji mereka bagi Ogos 2010 hingga Oktober lalu kononnya bagi membuat permohonan permit kerja dan visa.

Ketua Biro Politik Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (Kita), K S Kottapan berkata, pekerja terbabit yang sudah bekerja di Malaysia sejak Ogos 2010 bimbang kerana hingga kini belum memperolehi permit kerja seperti di-



**BANTAH...pekerja warga asing membantah tindakan majikan mereka di hadapan Pejabat Tenaga Kerja Pelabuhan Klang, semalam.**

janjikan majikan terbabit.

"Apabila ditanya, pengurusan syarikat itu memberi alasan Jabatan Imigresen menyimpan pasport semua pekerja terbabit menyebabkan urusan permohonan permit berkenaan tergendala.

"Syarikat terbabit juga berjanji untuk membayar semu-

la tunggakan gaji itu pada 15 Oktober lalu, namun hingga hari ini (semalam) mereka belum memperolehnya," katanya pada sidang media di Pejabat Tenaga Kerja, di sini, semalam.

Kottapan berkata, akibat tidak tahan dengan sikap majikan mereka, semua pekerja

terbabit membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Shah Alam pada 24 Disember lalu.

"Kami juga sudah ke pejabat kedutaan masing-masing dua hari lalu dan mereka berjanji akan menghubungi syarikat terbabit secepat mungkin," katanya.